

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : KOSMO  
TARIKH : 13 JULAI 2016

## MBSA edar 450 topi keledar percuma di Shah Alam

*Kosmo  
13/7/16*

**EDAR.** Sebanyak 450 unit topi keledar diberikan secara percuma oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) semasa kempen Keselamatan Jalan Raya yang diadakan di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad berkata, kempen yang dilaksanakan sejak tahun 2010 ini merupakan komitmen berterusan MBSA bagi meningkatkan kesedaran keselamatan dalam kalangan penunggang motosikal.

"Selain itu, kempen ini juga diadakan bagi memastikan penunggang dan pembonceng motosikal menggunakan topi keledar yang disahkan mengikut piawaian yang



**AHMAD ZAHARIN** (tengah) bersama Khalidah (dua dari kanan) mengedarkan topi keledar kepada penunggang motosikal pada kempen keselamatan jalan raya di Shah Alam baru-baru ini.

ditetapkan serta cara pemakaian topi keledar yang betul," ujarnya.

Turut hadir pada kempen tersebut ialah

Pengarah Urusan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia QAS International Sdn. Bhd., Khalidah Mustafa,